

SINAR HARIAN 16/8/14

Unisza tambah dua kursus baharu

KUALA TERENGGANU - Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) memperkenalkan dua kursus baharu di peringkat ijazah sarjana muda iaitu Teknologi Pembuatan dan Kerja Sosial mulai September tahun ini.

Kursus Teknologi Pembuatan adalah di bawah Fakulti Reka Bentuk dan Kejuruteraan Teknologi manakala Kursus Kerja Sosial di bawah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam.

Naib Canselor Unisza Datuk Dr Yahya Ibrahim berkata pelaksanaan kedua-dua kursus adalah bagi memenuhi keperluan semasa yang lebih bergerak ke arah industri berdasar-

kan keperluan pada masa ini.

"Pihak kami berharap dengan mewujudkan kedua-dua kursus baharu ini akan membuka peluang kepada pelajar tempatan melanjutkan pelajaran di universiti ini.

"Pihak kami juga masih menunggu keputusan daripada pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) mengenai penambahan kursus baharu seperti Perfileman, Pemakanan, Pembuatan dan Pemprosesan di peringkat ijazah," katanya kepada Bernama pada majlis bersempena sambutan Aidilfitri di Unisza, semalam.